

Bengkel Seni ASK-Yayasan Jepun

DALAM usaha menggiatkan lagi perkembangan dan pembangunan teater tanah air, pelbagai langkah telah dilakukan sama ada di dalam atau dari luar negara.

Akademi Seni Kebangsaan (ASK) selaku badan pendidikan formal seni dengan kerjasama The Japan Foundation (Yayasan Jepun) akan mengadakan bengkel seni bersama penggiat teater terkemuka Jepun, Oriza Hirata.

Bengkel yang akan berlangsung dari 24 hingga 28 Februari itu diadakan Studio ASK, Tingkat 32, Empire Tower, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur.

Sempena bengkel itu satu persembahan singkat oleh para peserta akan diadakan pada 28 Februari, pukul 5 petang di Galeri Petronas, Kuala Lumpur.

Sehubungan itu, penganjur mengundang pelajar seni persembahan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau penggiat teater berpengalaman menyertai bengkel ini.

Penyertaan untuk bengkel tersebut dihadkan kepada 20 orang peserta dan diadakan secara percuma.

Keterangan lanjut hubungi Mohd Raizuli Jusoh di telefon 03-21649180.